

## HARIAN METRO

Ayusliza Azizan

hmetrosahalam@hmetro.com.my

## Kapar

**“W**alaupun rumah belum dinaiki air, saya perlu berpindah kerana nyawa dan keselamatan keluarga lebih utama,” kata penduduk Kampung Tok Muda di sini, Siti Ruzila Kasdar, 46.

Suri rumah terbabat antara 123 penduduk kampung berkenaan yang berpindah ke pusat pemindahan mangsa fenomena air pasang besar di Dewan Serbaguna Kampung Tok Muda di sini, semalam.

Dia yang berpindah sejak jam 3 petang kelmarin memberitahu keluarganya melakukan persediaan lebih awal bagi menghadapi fenomena itu yang diramal berlaku sehingga Jumaat ini.

“Dalam kejadian pertama September lalu, kami tidak diberikan amaran dan tidak sempat menyelamatkan perkakas elektrik. Kini, kami segera berpindah selepas menerima arahan pihak berkuasa apatah lagi rumah



SEORANG penduduk bersama bayinya di pusat pemindahan di Dewan Serbaguna Kampung Tok Muda, Kapar, semalam.

## AIR PASANG BESAR

# Utama nyawa

## ■ 123 penduduk pindah demi keselamatan

berdekatan benteng.

“Selain mempunyai anak orang kurang upaya (OKU), saya bimbang kerana anak sulung menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM),” katanya di sini, se-


malam.

Sementara itu, warga emas, Jariah Md Saleh, 64, berkata, dia mengambil keputusan berpindah bersama anaknya sejak kelmarin.

“Saya bimbang kejadian air

pasang kali ini lebih besar berbanding bencana sama sebelum ini,” katanya.

Setiausaha dan Koordinator Bencana Zon Kampung Tok Muda Mohd Azmi Mat Sangir berkata, 44 keluarga



KANAK-kanak mengemas selimut di dalam khemah.

membabitkan 123 penduduk mendaftar di pusat pemindahan berkenaan.

“Selepas menerima arahan daripada Unit Bencana Negeri, kami mengarahkan penduduk berpindah namun ia agak berkurangan berikutan ada yang tidak merasakan banjir akan berlaku seterusnya sebelum ini.

“Sehubungan itu, saya menasihatkan mereka yang tinggal di tempat yang berpotensi tinggi segera berpindah bagi mengelak perkara diingini berlaku,” katanya.



“**Saya perlu berpindah kerana nyawa dan keselamatan keluarga lebih utama”**

Siti Ruzila Kasdar